



**PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

KENYATAAN MEDIA

**MAJLIS JARINGAN DIPLOMATIK JAWATANKUASA PILIHAN WANITA,
KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT BERSAMA
WOMEN HEADS OF MISSIONS IN MALAYSIA (WOHOMY)**

**JAWATANKUASA PILIHAN WANITA, KANAK-KANAK DAN
PEMBANGUNAN MASYARAKAT DEWAN RAKYAT PARLIMEN KE-15**

KUALA LUMPUR, 11 November 2025- Jawatankuasa Pilihan (JKP) Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan **Majlis Jaringan Diplomatik Jawatankuasa Pilihan Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat bersama Women Heads Of Missions In Malaysia (WOHOMY)** yang diadakan di Dewan Bankuet, Parlimen Malaysia.

Program ini bertujuan untuk **mengukuhkan hubungan diplomatik dan jaringan strategik** antara Ahli-ahli Parlimen Malaysia, khususnya **Jawatankuasa Pilihan Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat**, bersama komuniti **Women Heads of Mission in Malaysia (WOHOMY)** yang mengetuai misi diplomatik di Malaysia.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Majlis ini turut dihadiri oleh Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong merangkap Pengerusi JKP Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat, Puan Yang Terutama Nineta Bărbulescu, Duta Romania merangkap Koordinator Women Heads of Mission in Malaysia (WOHOMY), ahli-ahli Parlimen wanita, Duta Besar, *Chargés d'Affaires ad interim*, dan Ketua-ketua Pertubuhan dan

Organisasi yang terlibat dalam usaha memperkasa wanita serta membangunkan masyarakat.

Program ini juga menjadi **platform dialog dan perkongsian pandangan** berhubung dasar, strategi, serta amalan terbaik dalam memperkukuh dasar berasaskan gender (*gender-responsive policies*), memperkasa wanita, melindungi kanak-kanak, dan mengukuhkan institusi keluarga di peringkat nasional serta antarabangsa.

Program ini juga turut diserikan dengan **aktiviti jaringan interaktif** seperti *“Diplomatic Connections: Business Card Challenge”* yang bertujuan memupuk hubungan lebih rapat antara pemimpin wanita dalam suasana mesra dan tidak formal.

Menurut **YB Yeo Bee Yin**, program seperti ini bukan sahaja menggalakkan pertukaran idea dan pengalaman, tetapi juga menjadi simbol komitmen bersama dalam memperkukuh diplomasi Parlimen serta memperluas kerjasama antarabangsa yang berteraskan nilai inklusif dan empati.

Beliau turut menegaskan bahawa apabila wanita bekerjasama merentasi sempadan dan sektor, mereka bukan sahaja membincangkan perubahan — tetapi mencipta perubahan yang sebenar.

Program ini diharap dapat menjadi permulaan kepada **jaringan diplomatik yang lebih kukuh dan berterusan** antara Ahli-ahli Parlimen wanita dan komuniti diplomatik di Malaysia, dalam usaha bersama membina masyarakat yang adil, inklusif dan sejahtera.